

# Keputusan UPSR jadi penanda aras tetap dasar

S-14 17/06/08 M158

Kementerian sedang membuat kajian terperinci terhadap pelajar Tahun Enam yang mula menggunakan Bahasa Inggeris untuk Sains dan Matematik sejak 2003 dan akan menduduki UPSR tahun ini.

**KUALA LUMPUR** - Keputusan peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun ini akan menjadi penanda aras bagi Kementerian Pelajaran untuk menetapkan dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris.

Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Razali Ismail berkata, kementerian sedang membuat kajian terperinci terhadap pelajar Tahun Enam yang mula menggunakan Bahasa Inggeris untuk Sains dan Matematik sejak 2003 dan akan menduduki UPSR tahun ini.

Bercakap kepada pemberita selepas meninjau kaedah penggunaan Bahasa Inggeris bagi Sains dan Matematik di Sekolah Menengah Kebangsaan Pandan Indah di sini, semalam, beliau berkata, penggunaan Bahasa Inggeris dalam Sains dan Matematik bukan untuk memelajari dan menguasai Bahasa Inggeris, sebaliknya diperlukan untuk menguasai konsep Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris.

Ketika ditanya bantahan sesetengah pihak mengenai pendekatan itu, Razali berkata, ia bukan meniadakan taraf Bahasa Melayu, sebaliknya bagi memastikan anak-anak dapat bersaing hingga ke peringkat global.

Ketika ditanya mengenai prestasi guru-guru yang mengajar Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris, beliau berkata, kajian kementerian mendapati berlaku peningkatan terhadap keterampilan guru-guru berkenaan.



**RAZALI ISMAIL**

“Guru-guru juga semakin yakin menggunakan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sebagai alat bantuan mengajar,” katanya.

Razali berkata, beliau turut berbangga dengan pencapaian pelajar di pusat matrikulasi di seluruh negara apabila 90 peratus daripada mereka mampu menguasai Bahasa Inggeris dengan baik dan memilih untuk menjawab soalan dalam ba-

hasa itu.

“Guru-guru yang mengajar mereka telah dilatih melalui program E-Tems atau English for the Teaching of Mathematic and Science,” katanya.

Ketua Bidang Sains dan Matematik SMK Pandan Indah, Datin Rohayah Abdul Rahman berkata, pelaksanaan penggunaan Bahasa Inggeris bagi Sains dan Matematik di sekolah itu menunjukkan kesan positif apabila 91.4 peratus pelajar lulus dalam mata pelajaran Sains semasa peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) 2006 berbanding 89.5 peratus lulus pada tahun sebelumnya ketika peperiksaan masih dijalankan dalam Bahasa Melayu.

Untuk mata pelajaran Sains bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2007, sebanyak 92 peratus pelajar lulus berbanding 88.8 peratus pada tahun sebelumnya semasa peperiksaan masih dijalankan dalam Bahasa Melayu, katanya.

- BERNAMA